



[www.plm.org.my](http://www.plm.org.my)

## JURNAL LINGUISTIK Vol. 20 (1) Jun.2016 (042-050)

# Konstruk Literasi Emosi Asas Strategi Pemahaman Bacaan Berteraskan Kecerdasan Emosi

Yusfarina Mohd Yussof & Mardian Shah Omar

[yusfarina@ipgm.edu.my](mailto:yusfarina@ipgm.edu.my), [dian@uniten.edu.my](mailto:dian@uniten.edu.my)

Institut Pendidikan Guru Malaysia, Universiti Tenaga Nasional

---

### Abstrak

Tahap pemahaman dan penguasaan murid terhadap konstruk Literasi Emosi perlu diukur untuk dijadikan asas panduan dalam merangka dan menggubal strategi pemahaman bacaan berasaskan Kecerdasan Emosi (EQ). Bagi tujuan tersebut, satu kajian berbentuk tinjauan deskriptif dijalankan terhadap 30 orang murid dari sebuah sekolah di salah sebuah daerah di dalam negeri Selangor. Instrumen yang ditadbir untuk mengukur konstruk Literasi Emosi dikenali sebagai Ujian Penilaian Literasi Emosi (UPL), terjemahan daripada "EQ Map Questionnaire" versi Cooper dan Sawaf (1996). UPL mengandungi 33 item yang diekstrak daripada bahagian kedua "EQ Map Questionnaire" yang dikenali sebagai "Emotional Literacy". Tiga subskala dalam bahagian ini, iaitu, "Emotional Self-Awareness", "Emotional Expression" dan "Emotional Awareness of Others" telah diterjemahkan sebagai Kesedaran Emosi Kendiri, Ekspresi Emosi dan Kepekaan Terhadap Emosi Individu Lain. Instrumen ini telah diuji Kesahan dan Kebolehpercayaannya menggunakan Kaedah Cronbach Alpha dengan memperoleh nilai 'r' sebanyak 0.823. Hasil kajian mendedahkan murid mempunyai tahap kesedaran yang paling rendah dari segi pemahaman dan penguasaan terhadap konstruk Ekspresi Emosi ( $m=25.03$ ), berbanding dengan Kesedaran Emosi Kendiri ( $m=32.10$ ), dan Kepekaan Terhadap Emosi Individu Lain ( $m=40.03$ ). Implikasi dapatan kajian ini menegaskan bahawa input dari segi latihan/aktiviti yang menggalakkan ekspresi emosi sendiri murid perlu diberi dijadikan fokus utama strategi pemahaman bacaan yang berasaskan EQ.

**Kata kunci:** Konstruk; Literasi Emosi; Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan EQ

### Abstract

*The level of understanding and mastery of students based on the emotional literacy construct can be made as a basic guide for the need to apply the EQ based reading comprehension strategy. This research which was in the form of a descriptive review involved 30 students for the same school in one of the districts in the state of Selangor. The instrument utilized to measure the Emotional Literacy among the respondents is known as the Ujian Penilaian Literasi Emosi (Emotional Literacy Evaluation Test) which is a translated version of the EQ Map Questionnaire, a version produced by Cooper and Sawaf (1996). UPL consists of 33 items which had been extracted from Section 2 of the EQ Map Questionnaire, also known as Emotional Literacy. Three subscales of this section include Emotional Self-Awareness, Emotional Expression and Emotional Awareness of Others. The validity and reliability of this instrument has been tested using the Cronbach Alpha method with a 'r' value of 0.823. The results of the study revealed that students possessed the lowest level of awareness in terms of their Emotional Expression construct ( $m=25.03$ ) as compared with their Self-Emotional Awareness ( $m=32.10$ ) and being Sensitive to the Emotions of Other Individuals ( $m=40.03$ ). The implications of this study indicate that practice and activities which encourage the students' self-emotional expressions need to be emphasized in developing reading comprehension strategies based on EQ.*

**Keywords:** Construct; Emotional Literacy; Emotional Quotient Based Reading Comprehension Strategy

---

## 1. Pengenalan

Mutakhir ini, pandangan teoritikal yang menggabungkan emosi dan kepintaran atau dikenali sebagai Kecerdasan Emosi (EQ) hangat diperdebatkan. Pandangan asas yang mengiktiraf EQ sebagai sejenis kepintaran ini didasari oleh Model Keupayaan Kecerdasan Emosi (EQ) yang menegaskan keupayaan EQ untuk bertindak secara psikometrik sebagai satu kepintaran. EQ juga mempunyai kesahan tumpuan dan diskriminan yang dapat menyokongnya sebagai sejenis kepintaran (Daus & Ashkanay, 2005). Kemampuan dan kepentingan EQ kini dapat disamakan dengan Kepintaran Kognitif (IQ) dan dapat dijadikan dalam menjadi kriteria pengukur kejayaan seseorang individu (Mohd Azhar Hamid, 2006). Dalam aspek penguasaan bahasa kepentingan EQ sememangnya tidak dapat dinafikan. Malah, penelitian yang dibuat terhadap literatur-literatur telah dapat membuktikan kaitan antara EQ dengan pembelajaran bahasa, khususnya dalam aspek pemahaman bacaan. Literatur berkaitan turut menerangkan kepentingan penerapan EQ dalam aspek penguasaan bahasa dan juga cadangan fokus pelaksanaan pembelajaran berteraskan EQ, terutamanya dalam aspek pemahaman bacaan.

Dalam konteks pemahaman bacaan, seseorang murid yang membaca dikatakan cuba mengeluarkan perasaan dan emosi yang terpendam (Barr et. al, 2002). Emosi yang dikeluarkan melalui proses pembacaan dapat membantu individu menyedari emosi sendiri. Melalui strategi pembelajaran pemahaman bacaan berasaskan EQ, mereka berpeluang untuk meluahkan emosi, justeru murid akan lebih memahami dan dapat menguruskan emosi dengan berkesan (penguasaan domain peribadi EQ). Selain itu, mereka juga akan lebih peka dan lebih memahami emosi individu lain (penguasaan domain sosial).

Literatur-literatur turut memperkatakan tentang fokus pelaksanaan strategi berasaskan EQ dalam pembelajaran pemahaman bacaan. Iquinta dan Hipsky (2009), umpamanya telah mencadangkan penerapan EQ melalui empat peringkat penerokaan sendiri. Berdasarkan pandangan mereka, melalui strategi penerokaan sendiri, murid dijangka memperoleh maklumat baharu dan dapat menyelesaikan masalah berkaitan pemahaman bacaan dan yang paling penting adalah melatih mereka untuk berfikir secara matang. Hal ini bukan sahaja dapat meningkatkan keupayaan kognitif mereka malah dapat meneguhkan aspek emosi murid melalui proses refleksi emosi sendiri usai proses pembacaan. Proses penerokaan sendiri ini dimulakan dengan memilih teks naratif, peringkat kedua Pembacaan Berpandu, ketiga Pasca Bacaan (murid membuat refleksi sendiri emosi) dan yang terakhir ialah peringkat Penyelesaian Masalah/Aktiviti Pengukuhan. Soalan berbentuk mencungkil maklumat berkaitan unsur utama teks naratif turut dikemukakan pada peringkat ini bagi menjamin murid mempunyai asas pemahaman mendalam terhadap teks. Dalam konteks yang sama, Shaw dan Aslanian (2010) mencadangkan empat langkah yang berbeza untuk menerapkan EQ dalam kelas pemahaman bacaan. Cadangan pembinaan aspek sosioemosi murid dijalankan melalui langkah-langkah berikut, pertama, peringkat Pemahaman Ringkas (Summary), kedua, peringkat Tafsiran Teks, ketiga, peringkat Perkaitan Teks dengan Diri Sendiri dan Dunia Luar dan akhirnya Mengambil Pendirian Kritis. Walaupun terdapat kepelbagaian dari segi cadangan fokus penerapan EQ dalam Pemahaman Bacaan, namun perkara utama yang ditekankan oleh para sarjana adalah pemahaman yang jitu terhadap teks. Melalui pemahaman yang kukuh, murid seterusnya dapat mengaitkan teks dengan skemata untuk membina makna melalui proses penerokaan sendiri murid.

Kepentingan proses eksplorasi sendiri dalam proses pemahaman bacaan sememangnya tidak dapat dinafikan dalam membentuk pengetahuan baharu, pemikiran yang lebih kritikal dan emosi yang matang. Pada hakikatnya, proses ini bukan sahaja memperlihatkan kehadiran pemikiran rasional (aspek kognitif), malah aspek emosi turut diperlukan dalam membuat tafsiran dan penilaian terhadap teks. Hal ini menepati ciri pemahaman bacaan itu sendiri yang merupakan proses berasaskan kognitif, manakala penerapan strategi afektif dicadangkan, untuk mewujudkan pemahaman yang berkesan dan juga sebagai sebahagian daripada pemikiran aras tinggi. Sebagai sebahagian daripada proses memahami teks naratif juga, murid dicadangkan diberi pendedahan tentang strategi 'memberi nafas' atau 'menghidupkan' watak, perwatakan dan peristiwa dalam teks naratif. Walaupun watak dan peristiwa cuma sekadar imaginasi pengarang, tetapi ia dapat dihidupkan dengan cara memasukkan unsur empati (salah satu subkomponen EQ). Strategi sebegini dikenali sebagai pembacaan berempati (Blocks, 2004). Keadaan ini juga dapat diterangkan sebagai, pembaca cuba menghadirkan diri ketika proses membaca dan memahami teks naratif (Yahya Othman et. al., 2009).

Teori yang dapat menyokong kerangka kajian ini ialah Teori Kecerdasan Emosi yang mengambil kira beberapa perspektif teori EQ. Secara konsepnya, Kecerdasan Emosi menurut pandangan Daus dan Ashkanay (2005), ialah satu pandangan teoritikal yang menggabungkan emosi dan kecerdasan atau kepintaran. Berdasarkan perspektif

Teori Kecerdasan/Kepintaran Emosi yang diutarakan oleh Salovey and Mayer, EQ bukanlah hadir sebagai satu konstruk yang tersendiri, malah ia dilihat sebagai satu konstruk yang terbahagi kepada 4 cabang. Idea asal mereka telah diperhalusi sehingga terciptanya model EQ yang mengandungi 4 domain, iaitu: a) tanggapan terhadap emosi b) penggunaan emosi untuk memudahkan proses pemikiran dan bahasa c) memahami emosi dan d) pengawalan emosi sendiri dan individu lain (Mayer dan Salovey, 1997). Tiga kategori utama emosi berdasarkan pandangan Salovey dan Mayer (1997) pula merujuk pada kebolehan membezakan emosi diri dengan orang lain, kebolehan mengawal emosi diri dan menyelaraskannya dengan orang lain serta menggunakan maklumat emosi ini untuk membimbing pemikiran. Mereka turut membahagikan EQ ataupun Kepintaran Emosi pada lima subbidang iaitu, kebolehan mengurus emosi, kebolehan memotivasi diri, kebolehan membaca emosi orang lain dan kebolehan mengurus hubungan. EQ dianggap sebagai keupayaan individu untuk mengenalpasti, menerima, memproses dan menilai emosi sendiri dan orang lain dengan tepat, kebolehan berhujah dan menyelesaikan masalah berkaitan emosi, keupayaan untuk menerima emosi, membuat asimilasi terhadap emosi, memahami maklumat tentang emosi tersebut, kebolehan membuat ekspresi emosi sendiri serta mengawal emosi, pemikiran dan tindakan (Mayer, Caruso dan Salovey, 1999; Salovey, Mayer dan Caruso, 2004).

Dalam konteks yang sama, Bar-On (1997) melihat EQ sebagai kemahiran dan sifat yang bertindan antara satu sama lain dan beliau membahagikan EQ kepada 5 subskala iaitu intrapersonal (kepuasan sendiri, berdikari dan kesedaran emosi), interpersonal (empati, tanggungjawab sosial) kebolehan menyesuaikan diri (penyelesaian masalah, pengujian realiti), pengurusan stress (kawalan impuls, ketahanan terhadap stress), "mood" secara umum (kegembiraan, sikap optimis). Sudut pandangan Goleman (1999), yang telah mempopularkan istilah EQ melihatnya sebagai keupayaan menyedari dan mengenalpasti perasaan sendiri dan orang lain, mempunyai motivasi sendiri, berkeupayaan menguruskan emosi sendiri serta mampu menjalin hubungan yang mesra dan baik. Beliau membahagikan Kecerdasan Emosi kepada dua domain iaitu peribadi dan sosial dan di bawahnya terdapat lima subdomain iaitu kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial. Di samping merujuk kepada keupayaan mengenal pasti, menerima, memahami perasaan sendiri dan peka terhadap emosi individu lain. Konsep EQ dapat juga diterang melalui istilah Literasi Emosi yang digunakan secara meluas di United Kingdom. Walau bagaimanapun istilah EQ yang digunakan dalam kajian ini lebih menepati konsep Literasi Emosi yang ditakrifkan oleh Cooper dan Sawaf (1997) sebagai pengetahuan tentang abjad, tatabahasa dan kosa kata EQ. Aspek EQ yang diukur dalam kajian ini merangkumi takrifan dan konsep EQ yang diutarakan oleh Cooper dan Sawaf (1997). Walau bagaimanapun, dalam penulisan ini istilah EQ masih digunakan dalam konteks perbincangan yang berkaitan.

## 2. Kajian Lepas

Proses pembelajaran yang menerapkan Kecerdasan Emosi (EQ) yang tinggi dapat membawa banyak manfaat kepada para murid. Hal ini dapat dibuktikan melalui sebuah kajian di Jordan yang menunjukkan bahawa murid yang tidak didedahkan dengan kemahiran EQ tidak berupaya mencapai objektif pembelajaran sepenuhnya. Kajian mendapati kanak-kanak tersebut tidak dibelai dengan kasih sayang dan perasaan empati (salah satu subkomponen dalam EQ). Dapatan kajian ini memperlihatkan keperluan ke arah penerapan EQ dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Wan Asyibah, 2003; Syafrimen, 2004). Tegasnya, pendedahan dan pemupukan EQ perlu diseringkan dengan pembangunan kognitif di sekolah, yang disalurkan melalui para guru secara formal atau tidak formal. Hal ini juga selari dengan pandangan Bundy dan Cornwell (2009) yang menganggap guru sebagai individu signifikan dalam memperkembangkan aspek sosioemosi murid agar mereka lebih berkeupayaan mengawal dan mengurus emosi sendiri dengan lebih baik. Berdasarkan pandangan mereka, dua andaian asas yang perlu dipertimbangkan dalam merancang pembelajaran berasaskan EQ, iaitu pertama dalam aspek aras/tahap pemahaman dan penguasaan EQ murid dan kedua pula penerapan EQ dicadangkan disampaikan melalui penyaluran pengalaman dan pengajaran oleh guru. Para guru disarankan merealisasikan penerapan EQ melalui sesi pembelajaran positif yang dinamik dan terancang. Di samping itu, idea penerapan EQ melalui kurikulum ini turut disokong oleh Weare (2004). Menurut Weare (2004) kepentingan menerapkan pembelajaran berasaskan EQ/Literasi Emosi ini turut didasari oleh pandangan yang menyatakan bahawa respons emosi adalah sebahagian daripada pemikiran aras tinggi. Ia boleh menjadi sesuatu yang kompleks, reflektif, dan penuh pertimbangan seperti proses kognitif yang lain.

Berdasarkan pandangan Barr et.al (2002) seseorang yang membaca turut cuba mengeluarkan emosi yang terpendam. Seseorang individu sebenarnya boleh menyusun, memodulasi dan memoderasi perasaan mereka, bukannya memberi respons secara membuta tuli sahaja (Weare, 2004). Memandangkan emosi merupakan sesuatu

yang kompleks, maka seseorang individu murid perlu diberikan pendedahan untuk memahami, menghayati, menyusun, menyederhanakan dan akhirnya menguruskan emosi sendiri serta mempunyai kepekaan terhadap emosi individu lain. Apabila murid boleh mencapai tahap ini ia menunjukkan yang mereka telah menguasai domain peribadi dan domain sosial EQ. Penguasaan terhadap keupayaan yang di atas melambangkan penguasaan terhadap subskil EQ dan ia boleh dicapai melalui penerapan strategi pembelajaran pemahaman bacaan berteraskan EQ. Penguasaan terhadap EQ juga mempamerkan penguasaan terhadap pemikiran aras tinggi.

Sehubungan itu, dalam merancang strategi pembelajaran Pemahaman Bacaan berasaskan EQ, Bundy dan Cornwell (2009), mencadangkan tahap/aras EQ murid perlu diketahui terlebih dahulu sebelum menggubal strategi Pemahaman Bacaan berasaskan EQ. Dalam konteks ini, sebuah kajian berbentuk tinjauan deskriptif dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap pemahaman dan penguasaan EQ murid sebagai asas keperluan dalam perancangan menerapkan EQ melalui kurikulum Pemahaman Bacaan Bahasa Melayu.

Kecerdasan Emosi (EQ) yang diukur dalam konteks kajian ini disebut sebagai Literasi Emosi yang diukur menggunakan instrumen yang diterjemah dan diadaptasi daripada Cooper dan Sawaf (1996), dikenali sebagai "EQ Map Questionnaire". Pengkaji hanya mengambil bahagian kedua iaitu "Emotional Literacy" yang didapati sesuai untuk mengukur kedua-dua domain peribadi dan sosial EQ (Goleman, 1999). Dalam konteks kajian ini, Kecerdasan Emosi yang diukur dinamakan Literasi Emosi dan instrumen "EQ Map Questionnaire" telah diterjemahkan menjadi Ujian Penilaian Literasi Emosi (UPLE), yang tebahagi kepada tiga subskala, konstruk Kesedaran Emosi Kendiri, konstruk Ekspresi Emosi (domain peribadi) dan konstruk Kepekaan Terhadap Emosi Individu Lain (domain sosial).

### 3. Kaedah Kajian

Kajian dijalankan terhadap 30 orang murid yang telah dipilih sebagai sampel. Sampel ini diekstrak daripada populasi iaitu, semua murid Tingkatan 2, Sekolah Menengah Kebangsaan (kategori Harian Biasa) di daerah Hulu Langat, Selangor. Populasi sasaran ialah kesemua murid Tingkatan Dua di dalam negeri Selangor. Walau bagaimanapun, faktor seperti masa, kos dan kebolehcapaian menghalang pengkaji daripada mengumpul data daripada seluruh populasi (Cohen, Ary & Wiersma, 2007). Oleh itu, hanya populasi yang boleh diakses dan subsetnya, ataupun dikenali sebagai sampel, dikenalpasti.

Rangka persampelan adalah jumlah semua murid Tingkatan 2 dari 39 buah sekolah menengah yang terdapat dalam daerah Hulu Langat. Senarai nama sekolah, telah diperolehi daripada Pejabat Pendidikan Daerah berkaitan. Daripada rangka persampelan ini hanya 30 orang murid Tingkatan 2 yang telah dipilih dari sebuah sekolah. Sekolah berkenaan dipilih berdasarkan Persampelan Kebarangkalian, kategori Persampelan Rawak Berkelompok, daripada senarai nama kesemua 39 buah sekolah menengah dalam daerah. Melalui kaedah persampelan ini setiap ahli populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel kemungkinan terpilih atau tidak terpilih hanyalah disebabkan peluang, bukannya faktor lain. Saiz sampel pula mengambilkira faktor seperti faktor bilangan pengkaji terlibat, sokongan dan kerjasama pihak pentadbir terlibat dan sumber-sumber yang ada (Cohen et. al, 2007). Instrumen yang ditadbir untuk mengukur konstruk Literasi Emosi dikenali sebagai Ujian Penilaian Literasi Emosi (UPLE), terjemahan daripada "EQ Map Questionnaire" versi Cooper dan Sawaf (1996). UPLE mengandungi 33 item yang diekstrak daripada bahagian kedua "EQ Map Questionnaire" yang dikenali sebagai "Emotional Literacy". Tiga subskala dalam bahagian ini, iaitu "Emotional Self-Awareness", "Emotional Expression" dan "Emotional Awareness of Others" telah diterjemahkan sebagai Kesedaran Emosi Kendiri, Ekspresi Emosi dan Kepekaan Terhadap Emosi Individu Lain. Instrumen ini telah diuji Kesahan dan Kebolehpercayaannya menggunakan Kaedah Cronbach Alpha dengan memperoleh nilai 'r' sebanyak 0.823.

### 4. Dapatan Kajian

Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian "*Statistical Package for the Social Science (SPSS)*" versi 18. Statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai, digunakan untuk menganalisis maklumat. Semua maklumat hasil kajian yang diperolehi telah diproses dan dianalisis dalam bentuk jadual dan digunakan untuk melaporkan keputusan kajian berdasarkan objektif kajian yang ingin dicapai iaitu menganalisis tahap pemahaman konstruk literasi emosi murid. Tahap pemahaman dan penguasaan murid terhadap item-item sama ada rendah, sederhana atau tinggi yang terdapat dalam Ujian Penilaian Literasi Emosi (UPLE) ditetapkan berdasar pengiraan seperti yang yang ditunjukkan oleh Jadual 1 dan Jadual 2. Seperti yang dapat dilihat,

Jadual 1 di bawah mengandungi nilai skor, nilai Min dan Min Konstruk terendah dan tertinggi yang digunakan untuk menentukan perbezaan dan jeda skor dan Min.

**Jadual 1: Jadual Pengiraan dan Perbezaan Nilai Skor, Min dan Min Konstruk**

|   |        |
|---|--------|
| Nilai Skor terendah                     | 46.00  |
| Nilai Skor tertinggi                    | 124.00 |
| Perbezaan Skor                          | 78.00  |
| Perbezaan Skor dibahagikan pada 3 tahap | 26.00  |
| Nilai Min Konstruk terendah             | 25.03  |
| Nilai Min Konstruk tertinggi            | 40.03  |
| Perbezaan Skor Min Konstruk             | 15.00  |
| Perbezaan Skor dibahagikan pada 3 tahap | 5.00   |
| Nilai Min terendah                      | 2.33   |
| Nilai Min tertinggi                     | 3.50   |
| Perbezaan Min                           | 1.17   |
| Perbezaan Min dibahagikan pada 3 tahap  | 0.77   |

Seterusnya, nilai skor dan min ditafsir berdasarkan kelas jeda bagi skor dan min. Penerangan tentang julat skor dan julat min beserta interpretasinya dapat dilihat dalam Jadual 2, seperti yang berikut:

**Jadual 2: Interpretasi Skor dan Min**

| Julat Skor   | Julat Min Konstruk | Julat Min Item | Interpretasi |
|--------------|--------------------|----------------|--------------|
| 98.2 - 124.2 | 35.05 - 40.05      | 3.112 - 3.501  | Tinggi       |
| 72.1 - 98.1  | 30.04 - 35.04      | 2.723 - 3.112  | Sederhana    |
| 46.0 - 72.0  | 25.03 - 30.03      | 2.333 - 2.722  | Rendah       |

(Sumber: Bahaman, A. S., & Turiman, S. (1999). *Statistic For Social Research With Computer Applications*. Kuala Lumpur: JJ Print & Copy).

Berdasarkan 3 skala, iaitu rendah, sederhana dan tinggi, nilai min yang diperoleh bagi setiap item telah dapat ditafsirkan. Selain itu nilai min keseluruhan atau dikenali sebagai Min Konstruk turut ditafsirkan. Nilai-nilai Min bagi setiap item berserta interpretasinya dapat dilihat dalam Jadual 3, seperti yang berikut:

**Jadual 3: Min Item Literasi Emosi Mengikut Konstruk**

| <b>Konstruk : Kesedaran Emosi</b> |   |       |                |           |
|-----------------------------------|---|-------|----------------|-----------|
| Bil                               | Item  | Min   | Sisihan Piawai | Tahap     |
| 1.                                | Saya dapat mengenal pasti dan menyatakan perasaan saya. | 3.100 | 0.885          | Sederhana |
| 2.                                | Saya mengenali diri melalui perasaan saya               | 2.833 | 0.874          | Sederhana |
| 3.                                | Saya sentiasa peka tentang perasaan saya.               | 3.167 | 0.913          | Tinggi    |

|                                  |   |              |       |                  |
|----------------------------------|---|--------------|-------|------------------|
| 4.                               | Saya tahu sekiranya perasaan saya terganggu.  | 3.467        | 0.703 | Tinggi           |
| 5.                               | Apabila berasa sedih saya tahu sebabnya.  | 3.333        | 0.922 | Tinggi           |
| 6.                               | Saya cenderung menilai diri melalui cara orang lain melihat diri saya.                                | 2.767        | 0.728 | Sederhana        |
| 7.                               | Saya menyenangi keadaan emosi saya.   | 2.433        | 0.817 | Rendah           |
| 8.                               | Saya takut kepada orang yang terlalu beremosi.  | 2.800        | 1.270 | Sederhana        |
| 9.                               | Saya selalu teringin menjadi orang lain.  | 2.667        | 1.213 | Rendah           |
| 10.                              | Saya merujuk rupa fizikal diri dalam memahami perasaan sendiri  | 2.400        | 1.037 | Rendah           |
| 11.                              | Saya boleh menerima perasaan sendiri.   | 3.133        | 0.900 | Tinggi           |
|                                  | <b>Skor Min Keseluruhan (Min Konstruk)</b>  | <b>32.10</b> |       | <b>Sederhana</b> |
| <b>Konstruk : Ekspresi Emosi</b> |   |              |       |                  |
| 12.                              | Saya memaklumkan individu lain apabila mereka melakukan sesuatu dengan baik.                          | 3.500        | 0.777 | Tinggi           |
| 13.                              | Saya meluahkan perasaan saya walaupun ia negatif.   | 2.400        | 1.102 | Rendah           |
| 14.                              | Saya memberitahu orang lain tentang keinginan dan keperluan saya.                                     | 2.733        | 0.907 | Sederhana        |
| 15.                              | Rakan karib menyatakan saya pandai menghargai mereka.   | 2.467        | 0.973 | Rendah           |
| 16.                              | Saya memendamkan perasaan saya.   | 3.267        | 0.944 | Tinggi           |
| 17.                              | Saya akan memberitahu ahli kumpulan jika ada perasaan kurang menyenangkan yang mengganggu tugas kami. | 2.567        | 0.898 | Rendah           |
| 18.                              | Saya bermasalah untuk meminta pertolongan orang lain.   | 2.333        | 0.994 | Rendah           |
| 19.                              | Saya dapat merasai perasaan orang lain ketika berinteraksi dengan mereka.                             | 2.967        | 0.765 | Sederhana        |
| 20.                              | Saya akan berbuat apa sahaja untuk mengelak daripada dipandang tak cerdik di depan rakan saya.        | 2.800        | 1.064 | Sederhana        |
|                                  | <b>Skor Min Keseluruhan ( Min Konstruk)</b>   | <b>25.03</b> |       | <b>Rendah</b>    |

| <b>Konstruk: Kesedaran/Kepekaan Terhadap Emosi Individu Lain</b> |  |              |       |               |
|--|--|--------------|-------|---------------|
| 21.  | Saya dapat mengenali emosi orang dengan memerhatikan mata mereka.                          | 2.633        | 1.129 | Rendah        |
| 22.  | Saya mendapati sukar bercakap dengan orang yang tidak sependapat.                          | 3.267        | 0.944 | Tinggi        |
| 23.  | Saya memberi perhatian pada ciri-ciri positif yang terdapat pada orang lain.               | 3.300        | 0.837 | Tinggi        |
| 24.  | Saya jarang berasa hendak memarahi orang lain.   | 2.633        | 1.160 | Rendah        |
| 25.  | Saya memikirkan perasaan orang lain sebelum menyatakan pandangan saya.                     | 2.967        | 0.850 | Sederhana     |
| 26.  | Saya menjadi seorang pendengar yang baik kepada sesiapa sahaja yang berbicara dengan saya. | 3.233        | 0.817 | Tinggi        |
| 27.  | Saya dapat merasakan "mood" orang di sekeliling ketika bertemu mereka.                     | 3.200        | 0.761 | Tinggi        |
| 28.  | Saya boleh menyebabkan orang yang baru dikenali bercerita tentang diri mereka.             | 2.800        | 0.997 | Sederhana     |
| 29.  | Saya dapat membaca maksud yang tersirat dalam percakapan seseorang.                        | 2.700        | 0.877 | Rendah        |
| 30.  | Kebiasaannya saya dapat mengetahui perasaan orang lain terhadap diri saya.                 | 2.767        | 0.971 | Sederhana     |
| 31.  | Saya dapat meyelami perasaan orang lain walaupun mereka tidak menyatakan.                  | 2.767        | 0.935 | Sederhana     |
| 32.  | Luahan emosi saya berubah mengikut siapa yang bersama dengan saya.                         | 3.100        | 1.094 | Sederhana     |
| 33.  | Saya tahu apabila seseorang yang rapat dengan saya berasa tersinggung.                     | 2.600        | 1.102 | Rendah        |
|  | <b>Skor Min Keseluruhan (Min Konstruk)</b>   | <b>40.03</b> |       | <b>Tinggi</b> |

Dapatan deskriptif kajian ini merujuk kepada perbincangan nilai min bagi setiap konstruk. Daripada Jadual 3, dapat diperhatikan bahawa Konstruk Kesedaran/Kepekaan Terhadap Emosi Individu Lain telah memperoleh skor min konstruk tertinggi iaitu sebanyak 40.03. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid memberi perhatian pada ciri-ciri positif yang terdapat pada orang lain, dengan nilai Min 3.30 (SP = 0.83), nilai yang paling tinggi. Ini diikuti oleh murid mendapati sukar bercakap dengan orang yang tidak sependapat iaitu min 3.26 (SP = 0.94) dan mereka dapat menjadi seorang pendengar yang baik kepada sesiapa sahaja yang berbicara dengan mereka, nilai Min 3.233 (SP=0.817). Dapatan ini menunjukkan bahawa murid mempunyai kepekaan yang tinggi terhadap emosi individu lain berbanding kesedaran terhadap emosi sendiri. Hal ini dibuktikan dengan nilai Min Konstruk Kesedaran Emosi berjumlah 32.10, iaitu lebih rendah daripada nilai Min Konstruk Kesedaran/Kepekaan Terhadap Emosi Individu

Lain. Demikian juga bagi Min Konstruksi Ekspresi Emosi yang memperoleh nilai skor min sebanyak 25.03. Nilai skor yang paling rendah ini menunjukkan bahwa murid tidak gemar dan tidak mahir melakukan ekspresi emosi sendiri.

## 5. Perbincangan

Dapatan kajian ini mendedahkan bahawa murid lebih memberi fokus terhadap memahami emosi individu lain berbanding untuk memahami dan mendalami emosi sendiri dalam membina kemahiran EQ bagi diri mereka sendiri. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh pengetahuan dan kesedaran tentang EQ adalah masih rendah dalam kalangan murid-murid di sekolah. Hal ini menunjukkan kepentingan penerapan EQ dalam diselarikan dengan IQ, justeru usaha untuk memberi pendedahan dan pengetahuan tentang kemahiran EQ perlu diberi pemberatan yang sama dengan pembangunan kognitif. Hal ini selari dengan pandangan Weare (2004) yang mencadangkan integrasi Literasi Emosi melalui kurikulum. Beliau menegaskan bahawa pengajaran Literasi Emosi tidak semestinya dijalankan secara berasingan sebagai satu subjek. Sebaliknya, ia dikendalikan sebagai satu elemen dalam pengajaran dan pembelajaran yang menjurus kepada kurikulum berasaskan Literasi Emosi dan turut memfokus kepada iklim pembelajaran dalam kelas yang melibatkan aspek tingkahlaku dan corak komunikasi guru dengan murid. Penerapan EQ dicadangkan disepadukan dengan penerapan IQ kerana emosi dianggap sebagai sebahagian daripada pemikiran aras tinggi yang boleh menjadi sesuatu yang kompleks, reflektif, dan penuh pertimbangan seperti juga proses-proses kognitif yang lain (Le Doux dalam Weare, 2004). Usaha ini selari dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang menekankan kepada pembelajaran berteraskan pemikiran aras tinggi (KBAT) dalam kalangan murid sekolah.

## 6. Rumusan

Dapatan kajian ini mendedahkan bahawa murid mempunyai kepekaan yang tinggi terhadap emosi individu lain berbanding dengan penghayatan dan ekspresi emosi sendiri. Justeru, dalam merangka strategi pembelajaran Pemahaman Bacaan berasaskan EQ, latihan/aktiviti yang menggalakkan ekspresi emosi sendiri murid perlu diberi penekanan. Kepentingan pembelajaran berasaskan EQ dalam aspek Pemahaman Bacaan Bahasa Melayu, dilihat sebagai satu cara untuk meningkatkan pemikiran aras tinggi dalam kalangan murid sekolah seperti yang digariskan oleh PPP (2013-2025) dan juga sebagai satu langkah mewujudkan generasi murid yang bukan sahaja mempunyai kematangan kognitif malah turut matang dari segi EQ.

## 7. Rujukan

- Ary, D. (2010). *Introduction to Research in Education, 8th Edition*. Canada: Wadsworth, Cengage Learning.
- Bahaman Abu Samah dan Turiman Suandi (1999). *Statistic For Social Research With Computer Application*. Kuala Lumpur.: JJ Print & Copy.
- Bar-On, R. (1997). *The Emotional Quotient Inventory (EQ-i): a test of Emotional Intelligence*. Toronto Canada: Multi Health System, Inc.
- Barr, R. (2002). *Reading Diagnosis For Teachers-An Instructional Approach, 4th Edition*. Boston, U.S.A.: Allyn and Bacon.
- Barr, R., Blachowicz, C. L., Katz, C., & Kaufman, B. (2004). *Reading Diagnosis for Teachers: An Instructional Approach*. Boston: Allyn and Bacon.
- Bundy, J & Cornwell, S. (2009). *The Emotional Curriculum: A Journey towards Emotional Literacy*. United Kingdom: Publisher: Sage Publications Ltd.
- Cohen, L. M. (2010.). *Research Methods in Education, 6th Edition*. Canada, U.S.A.: Routledge.
- Creswell, J. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches, 2nd Edition*. U.S.A.: Sage Publications.
- Goleman, D. (1999). *Working With Emotional Intelligence*. London, United Kingdom.: Bantam Books.
- Habibah Elias, et. al. (2008). Emotional Intelligence. In Habibah Elias et. al, *Psychological Profile of Student At Risk*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Iquinta, S.(2006). *Bibliotherapy for Inclusive Classroom*. Retrieved August 9, 2009, from [http://www.newhorizons.org/speeds/inclusin/teaching/hipsky\\_iquinta](http://www.newhorizons.org/speeds/inclusin/teaching/hipsky_iquinta)
- Daus, C. S. & Ashkanay, Neal, M (2005), "The Case for the Ability Based Model of Emotional Intelligence In Organizational Behavior", *Journal of Organizational Behavior*, 26(4):453-466.doi: 10.1002/job.321



- Mayer, S. &. (1997). What is Emotional Intelligence? In P. &. Salovey, *Emotional Development and Emotional Intelligence: Implication for Educators* (pp. 3-31). New York, U.S.A.: Basic Books.
- Mohd Azhar Hamid, (2006). *Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Shaw, D. (2010). *Bibliotherapy: A Cross Discipline Course for Teacher and Counselors*. Retrieved December 15, 2010, from [www.hiceducation.org/edu\\_proceedings/Darlaperatus20shaw.pdf](http://www.hiceducation.org/edu_proceedings/Darlaperatus20shaw.pdf)
- Sullivan, A. (2002/2003). *Bibliotherapy*. Retrieved September 9, 2009, from Childhood Education: [http://findarticles.com/p/articles/mi\\_qa3614/is\\_200201/ia\\_n9069373](http://findarticles.com/p/articles/mi_qa3614/is_200201/ia_n9069373)
- Syafrimen. (2004). *Profil Kecerdasan Emosi Guru-guru Sekolah Menengah Zon Tengah Semenanjung Malaysia, Tesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan*. Bangi, Selangor.
- Wan Asyibah Ibrahim. (2003). *Kecerdasan Emosi Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Berasrama Penuh dan Sekolah Harian, Tesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Weare, K. (2004). *Developing the Emotionally Literate School*. London: Paul Chapman Publishing.
- Yahya Othman, Roselan Baki dan Naffi Mat (2009). *Pemerkasaan Pendidikan Bahasa Melayu Dari Teori ke Praktik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.